

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Wednesday, October 23, 2019 10:32 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Dipujuk Ibu Untuk Hadiri Majlis Konvokesyen



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

23 OKTOBER 2019 / 24 SAFAR 1441H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Nordiana Shafiee
Gambar oleh: Abdul Halim Husain

DIPUJUK IBU UNTUK HADIRI MAJLIS KONVOKESYEN



UUM ONLINE: "Melihat keadaan diri yang tidak mampu untuk berjalan selepas terlibat dalam kemalangan jalan raya menyebabkan saya sudah berjauhan hati untuk hadir mengambil skrol ijazah pada Majlis Konvokesyen Ke-32 UUM ini," kata Wan Nur Zulaikha Zainuddin, graduan Sarjana Muda Keusahawanan.

Menurutnya, buat masa ini dia hanya bergantung pada kerusi roda akibat tulang pahanya patah semasa terlibat dalam kemalangan motosikal bersama ibunya di Georgetown, Pulau Pinang pada penghujung Julai lalu apabila seorang penunggang motosikal membuat aksi

'wheelie' lalu terbabas memasuki arah bertentangan dan melanggarnya yang sedang berhenti di lampu isyarat merah.

Katanya, berikutan kejadian itu, paha kirinya dipasangkan implan besi dengan 14 skru dari pangkal paha hingga ke lutut sebagai prosedur dalam memulihkan kembali struktur tulang yang patah, manakala ibunya hanya mengalami kecederaan ringan.

"Saya tidak boleh berdiri lama, apatah lagi berjalan menggunakan tongkat pun hanya dalam waktu singkat kerana telah dinasihatkan doktor bahawa keadaan saya masih belum pulih sepenuhnya dan dijangka akan mengambil masa antara enam hingga lapan bulan.

"Saya sedih pada mulanya kerana kemalangan itu berlaku pada hari terakhir saya menjalani latihan industri dan dalam perjalanan pulang ke rumah, malah saya juga tidak dapat menghadiri temuduga kerja kerana berada di wad selama dua minggu dan kini sedang mengikuti fisioterapi," kata anak bongsu dua beradik itu.

Zulaikha berkata, dia redha dengan kejadian yang menimpanya dan menganggap ada hikmah di sebalik apa yang berlaku, justeru demi tidak mahu menghampakan hasrat ibunya untuk melihat satu-satunya ahli keluarga yang berjaya menjejaskan kaki ke menara gading, dia hadir juga ke majlis bersejarah itu.

Menurutnya, dia ingin menjadi seorang pegawai bank kerana minat mendalam dalam bidang perakaunan, namun ibunya yang merupakan ibu tunggal ingin melihatnya menjadi seorang pensyarah, justeru dia menyimpan hasrat untuk menyambung pengajian di peringkat sarjana pada tahun hadapan di UUM.

"Ibu saya hanya bekerja sebagai pembantu chef dan dia telah banyak berkorban demi kebahagiaan anak-anak. Kini dia terpaksa menjaga saya selepas terlibat dalam kemalangan.

"Walaupun tidak mampu mencari pekerjaan luar, saya sedang berusaha mencari kerja yang hanya memerlukan saya beroperasi dari rumah sahaja agar bebanan ibu yang bersusah-payah menjaga saya dapat diringankan," katanya yang menerima ijazah daripada Naib Canselor, Prof. Dato' Dr. Ahmad Bashawir Abdul Ghani pada sesi keenam.

Sementara itu, ibunya, Wan Zarina Othman berkata, dia gembira dan bangga apabila melihat anaknya dapat naik ke pentas untuk mengambil ijazah walaupun dalam keadaan berkerusi roda.

Menurutnya, pada awalnya, Zulaikha memberitahu bahawa dia tidak mahu datang ke Majlis Konvokesyen ini, namun setelah memujuk dan memberi kata-kata perangsang, akhirnya dia bersetuju.



Please consider the environment before printing this e-mail



AACSB
ACCREDITED



ASSOCIATION
AMBA
ACCREDITED



EFMD
EPAS
ACCREDITED



ABEST 21
ACCREDITED



Institute
of Hospitality
ACCREDITED



STARS
ACCREDITED



AUN-QA
ACCREDITED



Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.